

PM setuju pesalah sumbang mahram disebat

BH 15 APR 2002
Oleh Wan Esurnyanti Wan Ahmad

BANGI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau bersetuju supaya hukuman lebih berat dilaksanakan terhadap pesalah kes sumbang mahram, kerana jenayah itu dianggap sebagai sesuatu perbuatan yang amat keji.

Malah Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat pesalah berkenaan disebat di hada-

kuman berat kepada pesalah ini. Saya sendiri, kalau boleh, nak lihat pesalah ini ditibat (dirotan)

Kabinet sebelum ini mengarahkan supaya satu kajian dibuat baej melaksanakan hukuman lebih berat terhadap pesalah kes rogol kanak-kanak dan sumbang mahram.

Ini berikutan cadangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

Pungutan suara Harakah berniat jahat - Muka 2

pan khalayak ramai supaya dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat terhadap jenayah berat itu. "Saya setuju kita kenakan hu-

di depan khalayak ramai," katanya ketika menutup Kursus Perdana Generasi Wanita Prihatin anjuran Puteri Umno di Dewan Serbaguna Uniten di sini hari ini.

LHAT MUKA 6

sedih dan malu kerana kebanyakan kes sumbang mahram berlaku dalam Melayu.

Beliau menegur cara ajaran agama yang terlalu tertumpu kepada ibadat sehingga mengabaikan kepentingan penjelasan bagi kebaikan dan keburukan perbuatan.

"Ajaran agama juga kini tidak menekankan kebaikan dan keburukan sesuatu perbuatan. Ramai yang hanya mengajar amalan ibadat untuk akhirat saja," katanya.

Dr Mahathir berkata, menjadi tanggungjawab generasi baru untuk berusaha membentuk budaya Melayu yang rajin, amanah, tahu perasaan malu dan tidak dipengaruhi oleh nafsu semata-mata.

Untuk itu, beliau berkata, Puteri Umno bertanggungjawab mengubah sikap generasi muda Melayu supaya dapat bersama-sama dalam mencapai kemajuan dalam pembangunan negara.

Pada majlis berkenaan, Pengerusi Biro Perundangan, Wan Azliana Wan Adnan turut menyerahkan memorandum Puteri Umno kepada Dr Mahathir dalam usaha menentang sumbang mahram dan jenayah seksual ke atas wanita dan kanak-kanak.

Memorandum itu meminta kerajaan menyemak semula Seksyen 376 Kanun Keseksaan bagi menimbang hukuman yang lebih berat keada kesalahan jenayah seks di samping mencadangkan agar pesalah berkenaan diberikan rawatan terperinci ketika menjalankan hukuman penjara.

Pada masa yang sama, Puteri juga mende-sak supaya takrif sumbang mahram diperluaskan kepada anak angkat yang diambil secara sah dan juga kepada mereka yang diamanahkan sebagai penjaga.

Dr Mahathir turut mengadakan sesi dialog bersama lebih daripada 1,000 peserta kursus berkenaan.

Generasi muda perlu nilai murni

DARI MUKA 1

yang menyatakan pesalah rogol kanak-kanak dan sumbang mahram dikenakan hukuman minimum yang lebih berat kerana jenayah itu tidak boleh dimaafkan serta tidak boleh dirayu supaya hukuman ditinggalkan.

Hukuman bagi semua kesalahan rogol kini mengikut Seksyen 376 dan 376A Kanun Keseksaan.

Seksyen 376 memperuntukkan hukuman penjara minimum lima tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan sebat manakala 376A memperuntukkan hukuman penjara minimum enam tahun dan tidak melebihi 20 tahun dan minimum enam sebatan sehingga 24 sebatan.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, hukuman yang berat masih tidak dapat memastikan jenayah sumbang mahram dapat dikurangkan kerana apa yang penting ialah didikan nilai murni dalam kehidupan perlu diterapkan kepada generasi muda.

"Apa yang lebih penting ialah kita mendidik anak supaya tahu perasaan malu. Didikan ini penting kerana apabila ada perasaan malu, ia dengan sendiri akan membendung nafsu daripada bertindak di luar kebiasaan," katanya.

Beliau berkata, wanita berperanan utama memberi didikan sempurna mengenai nilai murni kehidupan kepada anak muda.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa